

# Perkongsian strategik dua konglomerat

## Perjanjian Hap Seng Land dengan TTDI Metropolis KL majukan tanah seluas 3.62 hektar

Oleh Sofyan Rizal Ishak

sofyani.rizal@hmetro.com.my

H ap Seng Land Development Sdn Bhd menandatangani dua perjanjian pemegang saham dan hak pembangunan dengan TTDI Metropolis KL untuk membentuk sebuah syarikat usaha sama bagi memajukan tanah pegangan pajak seluas 3.62 hektar dalam pelan induk KL Metropolis.

Syarikat dikenali Golden Suncity Sdn Bhd adalah syarikat usaha sama 70-30 yang dibentuk di bawah perjanjian pemegang saham antara Hap Seng Land Development Sdn Bhd dan TTDI Metropolis Sdn Bhd dengan Naza TTDI KL adalah pemaju induk untuk pembangunan bercampur ikonik di kawasan seluas 30.55 hektar dan bakal menjadi 'Daerah Bandar Pameran dan Perdagangan

Antarabangsa' bagi Kuala Lumpur.

Menerusi perjanjian hak pembangunan, Golden Suncity Sdn Bhd akan diberikan hak eksklusif untuk membangunkan 3.62 hektar tanah dalam pelan induk Metropolis KL termasuk hak mereka bentuk, membangunkan, memberna dan menyiapkan pembangunan komersial bercampur di atas tanah ter-

babit.

Hap Seng Land Development Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Hap Seng Consolidated Berhad manakala TTDI Metropolis KL adalah anak syarikat milik penuh Naza TTDI Sdn Bhd.

Pengarah Urusan Kumpulan Hap Seng, Datuk

Edward Lee berkata, perkongsian itu bukan sahaja mewakili peluang kumpulan untuk mengukuhkan kehadiran dalam sektor pasaran pembangunan harta tanah di Lembah Klang, malah membentuk perkongsian strategik antara dua konglomerat terkemuka dan memungkin transformasi pelan induk KL Metropolis.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, usaha sama itu mencerminkan komitmen Naza TTDI dalam mempercepatkan transformasi dan membentuk industri Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) dengan menjemput rakan pembangunan dalam membina serta melengkapi komponen terbabit bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi MICE utama di rantau ini.

